

Tun M Sumber Inspirasi Graduan Warga Emas UMS

Terakhir dikemaskini: Selasa, 27 November 2018 18:17 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 133

Syorkan 0

Kongsi

Tweet

Share



SELASA, 27 NOVEMBER - Graduan Universiti Malaysia Sabah (UMS) Datuk Cosmas Julius Abah @ Eddol, seorang warga emas berumur 71 tahun menjadikan Perdana Menteri Malaysia Tun Dr. Mahathir Mohamad sumber inspirasi untuk terus berjaya.

"Tun Dr. Mahathir Mohamad merupakan salah satu contoh terbaik bagi para pelajar kerana lanjutan umur bukanlah penghalang untuk terus berjaya," katanya pada sidang media Konvokesyen UMS kali ke-20 di Dewan Canselor, pada Sabtu..

Menurutnya lagi, selain menjadikan Tun Mahathir sebagai teladan, beliau menyifatkan bahawa usahanya melanjutkan pengajian Ijazah Sarjana Sastera (Linguistik) adalah suatu ilham daripada Tuhan.

"Sepanjang dua tahun setengah melakukan kajian penyelidikan dalam bidang linguistik akhirnya dapat

menghasilkan satu kamus penuh yang bertajuk "Kadazan Dictionary" telah diterbitkan pada 13 Ogos 2015.

"Jika ingin mencapai kejayaan kita jangan lupa untuk sentiasa berkerja keras dan berdoa kepada Tuhan," tambahnya.

Datuk Cosmas yang mempunyai tiga anak dan empat cucu berkata, dia juga merancang untuk menyambung pengajian di peringkat ijazah Doktor Falsafah (PhD) kelak.

"Jika Tuhan izinkan sudah tentu saya akan menyambung pengajian pada peringkat seterusnya," jelasnya.

Beliau merupakan antara 5,003 graduan yang menerima penganugerah skrol ijazah tamat pengajian pada Majlis Konvokesyen UMS kali ini.

Sumber: Al Hidayah Awang